

- 1 Gambar berikut menunjukkan pelbagai kaum di Malaysia.




Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan gambar di atas?

- A Berbangga menjadi rakyat Malaysia
- B Berusaha mempertahankan kedaulatan bangsa
- C Tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara bermula dari kecil
- D Menghargai jasa pemimpin negara

- Autobiografi
- Manuskrip

- 2 Apakah persamaan antara kedua-dua bahan di atas?

- A Merupakan sumber pertama
- B Ulasan daripada catatan awal
- C Dihasilkan daripada bahan asal
- D Catatan daripada seseorang yang terlibat



3 Rajah di atas merujuk Zaman Prasejarah di Asia Tenggara.

Apakah X?

- A Zaman Logam
- B Zaman Neolitik
- C Zaman Mesolitik
- D Zaman Paleolitik

4 Apakah faktor yang menyebabkan kerajaan Srivijaya berkembang pesat?

- I Sistem pentadbiran yang teratur
 - II Terkenal sebagai pusat pengajian Islam
 - III Menguasai jalan perdagangan di Selat Melaka
 - IV Menjalinkan hubungan persahabatan dengan negara-negara besar
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV

- Mahir membuat kapal
- Menguasai ilmu pelayaran

5 Maklumat di atas merujuk kemahiran masyarakat maritim. Apakah kesan daripada kejayaan masyarakat maritim menguasai kemahiran tersebut?

- A Kerajaan maritim berfungsi sebagai orang tengah dalam urusan perdagangan
- B Pedagang kerajaan maritim mampu belayar hingga ke Afrika Timur
- C Kerajaan maritim berfungsi sebagai pelabuhan entrepot
- D Kerajaan maritim meluaskan kuasanya hingga ke benua Eropah

- Suma Oriental
- Sejarah Melayu

- 6 Apakah persamaan yang terdapat dalam kedua-dua sumber di atas?
- A Parameswara berasal daripada Majapahit
 - B Parameswara adalah putera raja Palembang yang berketurunan Sailendra
 - C Parameswara berasal daripada keturunan Raja Iskandar Zulkarnain dari Makedonia
 - D Parameswara adalah pengasas Kesultanan Melayu Melaka yang berasal dari Palembang

“Maka segala dagang atas angin dan bawah angin sekaliannya datang ke Melaka; terlalu ramai bandar Melaka pada zaman itu.”

Sejarah Melayu

- 7 Apakah mesej yang ingin disampaikan dalam petikan di atas?
- A Pelabuhan Melaka menjadi tumpuan pedagang dari Timur dan Barat
 - B Pedagang datang ke Melaka untuk mendapatkan bekalan dan minuman di samping berdagang
 - C Melaka terletak di pertengahan laluan perdagangan Timur dan Barat
 - D Melaka menguasai perdagangan di Selat Melaka

“Adapun akan Sultan Alauddin itu terlalu perkasa, (tiada pelbagai) pada zaman itu”


Sejarah Melayu

- 8 Petikan di atas menggambarkan ciri kepimpinan Sultan Alauddin Riayat Shah. Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan ciri kepimpinan baginda?
- A Seorang yang kejam
 - B Seorang yang lemah
 - C Seorang yang gagah
 - D Seorang yang warak

Pedagang India	:	Kami dikenakan cukai sebanyak enam peratus.
Pedagang China	:	Kami tidak dikenakan cukai tapi perlu memberi persembahan atau hadiah kepada sultan.


9 Dialog di atas mungkin berlaku antara pedagang India dan China pada kurun ke-15 di Melaka. Apakah kesan daripada pelaksanaan cukai yang berbeza ke atas pedagang di Melaka?

- I Pedagang membuat bantahan kepada kerajaan Melaka
 - II Pedagang Melaka beralih ke pelabuhan Aceh
 - III Urusan perdagangan Melaka berjalan lancar
 - IV Pelabuhan Melaka menjadi tumpuan pedagang
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV



10 Rajah di atas menerangkan faktor kejatuhan kerajaan Melaka ke tangan Portugis. Apakah **X** dalam rajah di atas?

- A Persaingan di kalangan pedagang
- B Pembesar Melaka telah belot dan bekerjasama dengan Portugis
- C Perpecahan masyarakat Melayu-India Muslim
- D Portugis mendapat bantuan daripada Belanda



- 11** Rajah di atas menunjukkan perubahan pusat pentadbiran Johor semasa pemerintahan Sultan Abdullah Muayat Shah (1615 – 1623). Mengapakah pusat pentadbiran Johor sentiasa berubah-ubah?
- A** Sebagai muslihat mempertahankan diri dari ancaman musuh
- B** Berlaku persaingan antara orang Melayu Johor dengan Bugis
- C** Memudahkan usaha Johor menguasai jajahan takluk Melaka
- D** Memudahkan usaha mendapatkan bekalan barangan eksport dari negeri-negeri jajahan takluk Johor

Sultan Mahmud Shah telah melakukan tiga kali serangan dari tahun 1515 hingga 1519 terhadap Portugis di Melaka tetapi gagal.

- 12** Pernyataan di atas merujuk usaha yang dilakukan oleh Sultan Mahmud untuk menguasai semula Melaka. Apakah kesimpulan daripada peristiwa tersebut?
- A** Usaha adalah tangga kejayaan
- B** Usaha mempertahankan kedaulatan bangsa merupakan perjuangan yang wajar disanjung
- C** Menebus maruah adalah lebih sukar daripada mempertahankannya
- D** Kekuatan tentera semata-mata tidak mampu mengembalikan kedaulatan bangsa

- Kedah
 - Perak
 - Pahang

- 13** Senarai di atas merujuk negeri-negeri di Tanah Melayu. Negeri-negeri diatas ialah
- A** Negeri-Negeri Selat
- B** Kerajaan Melayu Tua
- C** Kerajaan Melayu Baru
- D** Negeri-Negeri Melayu Bersekutu

Sesiapa yang menderhaka akan dirampas hartanya dan anak isterinya akan dijadikan hamba.


- 14 Pernyataan di atas merujuk undang-undang bertulis Kesultanan Melayu. Pernyataan di atas terkandung dalam
- A Hukum Kanun Melaka
 - B Undang-Undang Kedah
 - C Undang-Undang Pahang
 - D Undang-Undang 99 Perak

*“Bulat anak buah menjadi buapak
Bulat buapak menjadi lembaga
Bulat lembaga menjadi penghulu
Bulat penghulu menjadi raja”*

- 15 Peribahasa di atas merujuk Adat Perpatih yang dilaksanakan dalam sistem pentadbiran Negeri Sembilan. Apakah kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan peribahasa tersebut?
- A Ketegasan dalam memilih pemimpin
 - B pemilihan pemimpin secara demokrasi
 - C Tolak ansur dan perbincangan bersama
 - D Masyarakat yang berasaskan keturunan ibu
- 16 Mengapakah kaum Murut di Sarawak masih mengamalkan aktiviti pertanian pindah?
- A Kekurangan modal
 - B Ketiadaan sistem perairan
 - C Keadaan bentuk muka bumi
 - D Kekurangan sistem perhubungan

17 Negeri manakah yang dikenakan *cukai kepala* di atas?

- I Perak
- II Kedah
- III Kelantan
- IV Terengganu
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV




18 Rajah di atas menunjukkan adat resam kumpulan etnik di Sarawak. **X** ialah kumpulan etnik

- A Iban
- B Murut
- C Kelabit
- D Melanau

19 Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan kaum Kadazan di Sabah?

- I Kehidupan berpindah randah
- II Patuh kepada undang-undang adat
- III Menternak lembu dan menanam padi sawah
- IV Perayaan pesta menuai selepas musim menuai padi
- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV



20 Garis masa di atas menunjukkan peringkat pengukuhan British di Pulau Pinang. Apakah faktor kejayaan Francis Light menduduki Pulau Pinang?

- A Tipu muslihat
- B Kekayaan kewangan
- C Kekuatan ketenteraan
- D Kemahiran berdiplomasi

Pegawai British A	:	Bagaimanakah dengan perdagangan kita di Pulau Pinang?
Pegawai British B	:	Perdagangan kita makin merosot. Kebanyakan kapal dagang pergi ke Betawi, Riau dan Lingga.
Pegawai British C	:	Masalah ini perlu diselesaikan segera.

21 Dialog di atas mungkin diucapkan oleh pegawai-pegawai British pada abad ke-18. Bagaimanakah British menyelesaikan masalah tersebut?

- A Menguasai Betawi
- B Menguasai Melaka
- C Menguasai Singapura
- D Membuka pelabuhan di Riau dan Aceh

Tahun	Peristiwa
1784	Pendudukan Pulau Pinang
1819	Pembukaan Singapura
1824	Perjanjian Inggeris-Belanda

- 22 Apakah kesan daripada perkembangan peristiwa di atas?
- A Perpecahan kerajaan Melayu Johor
 - B British meluaskan pengaruh dan menguasai negeri-negeri Melayu
 - C British menguasai kegiatan ekonomi negeri-negeri Melayu
 - D Pengaruh sultan di negeri-negeri Melayu semakin berkurangan


- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Dol Said• Tok Janggut• Dato' Bahaman |
|--|

- 23 Tokoh-tokoh di atas menentang British di negeri masing-masing. Apakah kesan penentangan mereka terhadap British?
- A British mengancam orang Melayu
 - B Hak mengutip cukai dikembalikan semula kepada pembesar
 - C British bersikap berhati-hati dalam setiap tindakan
 - D British memperkenalkan sistem pentadbiran baru

Tahun	Peristiwa	Tempat
1897	Durbar pertama	Kuala Kangsar
1903	Durbar kedua	Kuala Lumpur



24 Jadual di atas menunjukkan Persidangan Raja-Raja Melayu atau Durbar. Apakah kesan penting daripada persidangan tersebut?

- I Bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi
 - II Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan
 - III Jawatan Residen Jeneral digantikan dengan Ketua Setiausaha
 - IV Kuasa mentadbir diserahkan kepada Majlis Mesyuarat Negeri
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



25 Garis masa di atas menunjukkan faktor campur tangan British di negeri-negeri Melayu. Apakah alasan utama yang mendorong British campur tangan di negeri tersebut?


- A Mewujudkan keamanan
- B Mewujudkan satu pentadbiran yang cekap
- C Menghapuskan kegiatan kongsi gelap Cina
- D Menyelesaikan perbalahan antara pembesar Melayu

Syarat-syarat Perjanjian Bangkok 1909	
	
Pihak Siam	Pihak British
Melepaskan kuasa ke atas Kedah, Perlis, Terengganu dan Kelantan	Menyerahkan Hak Wilayah Asingan kepada Siam

- 26 Jadual di atas menerangkan syarat-syarat Perjanjian Bangkok 1909. Apakah tujuan utama Perjanjian Bangkok ditandatangani?
- A Negeri-Negeri Melayu Utara dijadikan tanah jajahan British
 - B Menyelesaikan masalah Negeri-Negeri Melayu Utara dengan Siam
 - C Membebaskan Negeri-Negeri Melayu Utara daripada Siam
 - D Mendapatkan kuasa di Negeri-Negeri Melayu Utara daripada Siam


“Beliau telah dianugerahi Dato’ Seri Amar Diraja dan bertanggungjawab mengawal hubungan Johor dengan British. Beliau menjadi perintis kepada Penubuhan Pakatan Belajar Mengajar Pengetahuan Bahasa Johor 1888.”

- 27 Pernyataan di atas merujuk pemimpin terkemuka negeri Johor dari tahun 1885 hingga 1909. Siapakah pemimpin tersebut?
- A Temenggung Ibrahim
 - B Dato’ Jaafar bin Muhammad
 - C Dato’ Abdul Rahman bin Andak
 - D Dato’ Muhammad Salleh bin Perang



28 Peta di atas menunjukkan kedudukan Terusan Suez dan laluan perdagangan dari British ke Singapura. Apakah kesan daripada pembukaan Terusan Suez tersebut?

- I Penciptaan kapal wap
 - II Perkembangan Revolusi Perindustrian
 - III Memendekkan perjalanan dari England ke Tanah Melayu
 - IV British bertukar kepada dasar campur tangan di negeri-negeri Melayu
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV




- 29 Rajah di atas menunjukkan bentuk pentadbiran keluarga Brooke di Sarawak. Antara berikut, yang manakah merupakan peranan Pegawai Anak Negeri?
- I Memelihara keamanan
 - II Menjadi pegawai pengutip cukai
 - III Membantu Penolong Pegawai Daerah
 - IV Menjadi ketua pentadbir di setiap bahagian
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV
- 30 Bagaimanakah Alfred Dent mengatasi masalah modal untuk menjalankan perniagaannya di Sabah?
- I Memohon bantuan daripada pelabur dan kerajaan Austria
 - II Menubuhkan Persatuan Borneo Utara British Berhad
 - III Menjual saham persatuan untuk mendapatkan modal
 - IV Berusaha mendapatkan piagam diraja daripada British
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

Tahun	Peristiwa
1935	20 sen
1937	43 sen

- 31 Jadual di atas membandingkan harga getah pada tahun 1935 dan 1937. Apakah faktor utama yang mendorong kenaikan semula harga getah pada tahun 1937?
- A Kuota eksport
 - B Mengehendkan pengeluaran
 - C Rancangan Sekatan Stevenson
 - D Perjanjian Peraturan Getah Antarabangsa


Kawasan	Pejuang
Semantan	Dato' Bahaman
Pasir Salak	Dato' Maharajalela
Pasir Puteh	Tok Janggut

- 32 Tokoh-tokoh di atas merupakan pejuang yang mewakili penduduk tempatan untuk menentang pihak Inggeris dalam memperjuangkan hak. Apakah pengajaran yang diperoleh pihak Inggeris daripada penentangan-penentangan tersebut?
- A Akan sentiasa bersiap sedia untuk menggempur musuh
 - B Akan lebih berhati-hati dalam mengambil suatu tindakan
 - C Berbaik-baik dengan pemimpin tempatan penting untuk keselamatan
 - D Persetujuan daripada pembesar penting sebelum mengambil sebarang tindakan



33 Jadual di atas menunjukkan bilangan murid di peringkat menengah di Semenanjung Tanah Melayu. Mengapakah pada tahun 1938 tiada seorang pun pelajar yang belajar di sekolah menengah aliran agama?

- I Dasar penjajahan British
 - II Tiada sekolah menengah aliran Melayu
 - III Ketiadaan sistem pendidikan kebangsaan
 - IV Ibu bapa tidak mampu menghantar anak ke sekolah menengah
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV



- 34 Peta di atas menunjukkan kawasan penentangan Dol Said terhadap penjajahan British. Apakah kesan daripada penentangan tersebut?
- A Dol Said berjaya menghalau British
 - B Dol Said kekal sebagai Penghulu Nanning
 - C British mengalami kerugian sebanyak 100 000 paun
 - D British dan Dol Said bekerjasama membangunkan Nanning

*Aku tak rela tanah darahku diinjak, dijajah
Aku tak rela hasil bumiku dicantas, dipulas
Aku tak rela Melayu, bangsaku dipandirkadukkan
Aku tak rela Islam, agamaku disendatemeahkan
...
Aku pulang dari Tanah Makkah yang putih dan suci
Ingin kulihat tanah darahku tanpa penjajah*

- 35 Siapakah pejuang yang dimaksudkan oleh Rahimidin Zahari dalam sajak di atas?
- A Dol Said
 - B Dato' Bahaman
 - C Haji Mat Hassan
 - D Haji Abdul Rahman Limbong




- 36 Ilustrasi di atas menggambarkan semangat perjuangan Rentap di Medan Perang. Apakah faktor penentangan Rentap terhadap pemerintahan Brooke?
- A Brooke mengambil alih kuasa memungut cukai dari orang Iban
 - B Brooke mendirikan kubu di Nanga Skrang
 - C Brooke menganggap orang Iban di Sungai Skrang sebagai lanun
 - D Brooke menindas orang Iban di Sungai Skrang

- Revolusi China 1911
- Gerakan Pan-Islamisme
- Kemunculan Jepun
- Gerakan Politik Indonesia

37 Maklumat di atas merupakan perkembangan yang berlaku pada awal kurun ke-20. Apakah kesan daripada perkembangan tersebut di Tanah Melayu?

- A Membantu memperbaiki taraf hidup orang Melayu
- B Memberikan bantuan kewangan kepada nasionalis awal di Tanah Melayu
- C Membantu memperkembangkan ekonomi Tanah Melayu
- D Menaikkan semangat orang Melayu menentang British



38 Rajah di atas menunjukkan surat khabar Tamil yang diterbitkan sebelum Perang Dunia Kedua. Apakah perkara yang terkandung dalam akhbar tersebut?

- I Berita ringkas
 - II Iklan perniagaan
 - III Sukan dan rekreasi
 - IV Pentadbiran negara
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

Hidup Bahasa, Hiduplah Bangsa

39 Cogan kata di atas merupakan cogan kata Persaudaraan Sahabat Pena yang ditubuhkan pada tahun 1934. Mengapakah kerajaan British bimbang dengan pertambahan ahli pertubuhan tersebut?

- A Pertubuhan ini tidak pro-British
- B Bersifat kemelayuan yang tinggi
- C Disertai oleh Kesatuan Melayu Muda
- D Dianggap mengancam keselamatan

- Asia untuk Orang Asia
- Lingkungan Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya

40 Slogan di atas digunakan oleh pihak Jepun sebagai propaganda mempengaruhi rakyat Tanah Melayu. Apakah matlamat sebenar tentera Jepun menggunakan slogan di atas?

- A Untuk mengusir penjajah Barat
- B Untuk memperluas empayarnya
- C Untuk mendapatkan bahan mentah utama
- D Untuk memindahkan penduduknya ke Asia Tenggara

41 Apakah faktor yang menyebabkan Jepun menguasai Tanah Melayu dalam masa yang singkat?

- I Kelengkapan perang yang baik
 - II British menumpukan pertahanan di Singapura
 - III Jepun mendapat bantuan kuasa Barat yang lain
 - IV Mendapat kerjasama daripada rakyat Tanah Melayu
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

- 42 Mengapakah Jepun mengiktiraf institusi kesultanan walaupun bidang kuasa sultan dihadkan?
- A Untuk menghormati cara hidup orang Melayu
- B Untuk melicinkan pentadbiran di Tanah Melayu
- C Untuk menguasai bahan mentah terutama getah
- D Untuk mengelakkan orang Melayu menentang Jepun

Pendudukan Jepun	<ul style="list-style-type: none"> • Kemerosotan ekonomi • Gerakan anti-Jepun • Kebangkitan komunis • X
-------------------------	--

- 43 Maklumat di atas menggambarkan kesan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Apakah **X**?
- A Penubuhan Indonesia Raya
- B Kemunculan parti-parti politik
- C Kemerosotan pengaruh British
- D Kebangkitan semangat nasionalisme

Tahun	Peristiwa
1945	Pengisytiharan Pentadbiran Tentera British (BMA)


- 44 Maklumat di atas merujuk pentadbiran peralihan sebelum pentadbiran awam diperkenalkan. Apakah halangan utama yang dihadapi oleh BMA?
- A Perpaduan kaum di kalangan penduduk Tanah Melayu
- B Kekurangan anggota tentera untuk mengawal Tanah Melayu
- C Tidak mendapat kerjasama penduduk Tanah Melayu
- D Penduduk Tanah Melayu masih meyokong Jepun

- 10 000 orang mengadakan tunjuk perasaan di Kelantan
- 30 000 orang berarak di Rembau (1946)

- 45 Peristiwa di atas merupakan demonstrasi secara aman yang diadakan pada tahun 1946. Maklumat di atas adalah berkaitan dengan
- A kekalahan tentera Jepun
- B keganasan kumpulan Tentera Bintang Tiga
- C penentangan terhadap penubuhan Malayan Union
- D penentangan terhadap pembentukan Persekutuan Tanah Melayu

“Dari pandangan sepintas lalu, dapatlah diketahui bahawa cadangan Malayan Union itu menguntungkan orang-orang bukan Melayu”

- 46 Petikan di atas adalah sebahagian daripada laporan akhbar Utusan Melayu pada 12 Oktober 1945. Mengapakah Malayan Union menguntungkan orang bukan Melayu?
- A Hak kerakyatan yang terlalu liberal
- B Kuasa politik orang Melayu terbatas
- C Orang bukan Melayu dapat menguasai pentadbiran Tanah Melayu
- D Orang bukan Melayu mendapat layanan istimewa daripada pihak British




- 47 Rundingan di atas telah diadakan sebagai usaha untuk membanteras ancaman komunis di Tanah Melayu. Mengapakah rundingan tersebut gagal?
- A Kedua-dua pihak masih ingin menggunakan kekerasan
- B Kedua-dua pihak tidak mahu berganjak daripada pendirian masing-masing
- C Kedua-dua pihak tidak berpuas hati dengan tempat perundingan
- D Kedua-dua pihak tidak faham dengan tuntutan yang dikemukakan

Pada tahun 1948, tiga orang peladang Inggeris dibunuh oleh komunis di Sungai Siput.

- 48 Peristiwa di atas merupakan faktor pengisytiharan darurat pada 23 Januari 1948. Mengapakah darurat dianggap sebagai cara yang berkesan untuk menamatkan ancaman komunis?
- A Berjaya mengembalikan kepercayaan rakyat
 - B Memperkemaskan sistem pentadbiran negara
 - C Memudahkan pihak polis dan tentera bertindak
 - D Semua penduduk memberi kerjasama kepada British

Perang Saraf dilancarkan oleh pentadbiran British untuk menghapuskan keganasan komunis.


- 49 Bagaimanakah Perang Saraf yang disebut dalam pernyataan di atas dilaksanakan?
- A Mengadakan kempen menawan hati dan fikiran rakyat untuk meyokong kerajaan
 - B Mengadakan peperangan secara terbuka dengan penganas komunis
 - C Mengancam penganas komunis dengan pelbagai ugutan
 - D Membuat pelbagai tuduhan terhadap penganas komunis
- 50 Apakah matlamat utama penubuhan Min Yuen?
- A Menjadi barisan hadapan untuk melancarkan perang gerila
 - B Menubuhkan kesatuan-kesatuan sekerja berhaluan kiri
 - C Memberi maklumat, makanan dan ubat-ubatan kepada komunis
 - D Melancarkan Perang Saraf untuk menarik ahli baru komunis



- 51 Rajah di atas menunjukkan perana Min Yuen yang ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya. Antara berikut, kawasan manakah yang menjadi sasaran Min Yuen?
- A Kawasan pinggir hutan
 - B Perkampungan Melayu
 - C Pusat pentadbiran kerajaan
 - D Petempatan orang Cina di bandar
- 52 Apakah penekanan yang dibuat dalam Ordinan Pelajaran 1952?
- A Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah dan universiti selepas merdeka
 - B Pembentukan satu sistem pendidikan kebangsaan
 - C Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris diajar di sekolah rendah manakala bahasa ibunda boleh digunakan di sekolah Cina dan sekolah Tamil
 - D Pelaksanaan sekolah kebangsaan dengan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar

• Dr Fenn Wu


- 53 Tokoh di atas telah dilantik untuk membentuk satu jawatankuasa bagi mengkaji penglibatan sekolah Cina dalam sistem pendidikan kebangsaan. Apakah syor yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini?
- A Menolak pembentukan sistem pendidikan kebangsaan
 - B Mencadangkan penggunaan sukatan pelajaran yang sama di semua sekolah
 - C Bahasa Cina dijadikan bahasa pengantar di sekolah selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
 - D Menyokong pembentukan sekolah kebangsaan dan mengekalkan sekolah Cina



- 54 Rajah di atas menunjukkan pihak-pihak yang terlibat dalam Perjanjian London. Mengapakah Raja-Raja Melayu terlibat dalam rundingan di London pada tahun 1956?
- A Bertanggungjawab menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu dengan British
 - B Mendapatkan semula keistimewaan dan kuasa Raja-Raja Melayu
 - C Dianggap simbol kekuatan dan kedaulatan orang Melayu
 - D Menunjukkan sokongan Raja-Raja Melayu terhadap Parti Perikatan

Sir Henry Gurney menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perhubungan Antara Kaum.

- 55 Jawatankuasa di atas telah ditubuhkan pada tahun 1949. Apakah tujuan jawatankuasa tersebut ditubuhkan?
- A Menyelesaikan masalah perkauman dan mengeratkan hubungan antara kaum
 - B Menyelesaikan masalah ekonomi dan pembangunan negara
 - C Menasihati semua kaum supaya bekerjasama dengan British
 - D Berunding dengan pihak PKM untuk menamatkan darurat
- 56 Pertubuhan Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) diasaskan oleh
- A Peter Chin
 - B G.S. Sundang
 - C Donald Stephens
 - D Tun Datu Mustapha bin Datu Harun



57 X dalam rajah di atas adalah parti yang ditubuhkan pada tahun 1959. Parti X ialah

- A Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP)
- B Parti Bersatu Rakyat Sarawak (SUPP)
- C Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA)
- D Barisan Rakyat Jati Sarawak (BARJASA)


Pihak British tidak melayan tuntutan Filipina ke atas Sabah.

58 Apakah kesan daripada tindakan di atas?

- A Filipina melancarkan konfrontasi
- B Filipina menghantar tentera ke Sabah
- C Filipina membuat bantahan kepada PBB
- D Filipina memutuskan hubungan diplomatik dengan Tanah Melayu

59 Mengapakah Lee Kuan Yew mendesak Tunku Abdul Rahman mempercepatkan gabungan Singapura dengan Tanah Melayu?

- A PETIR dipengaruhi komunis
- B PETIR ingin mencabar Parti Perikatan
- C PETIR dipimpin oleh golongan berhaluan kiri
- D PETIR ingin meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu



- 60 Rajah di atas menunjukkan faktor-faktor penubuhan Malaysia. Apakah faktor Y?
- A Menamatkan gerakan anti-kerajaan
 - B Menyekat perkembangan ideologi komunis
 - C Meningkatkan kerjasama sosial dan budaya
 - D Menambahkan tenaga pakar dan profesional

KERTAS SOALAN TAMAT

Disediakan oleh,

Disemak oleh,

Disahkan oleh,

(Soh Ya Lee)

Ketua Panitia

(Pn. Khairani Samad)

Ketua Jabatan

(Pn. Jamilah Othman)

Ketua Akademik